

LATIH TUBI BAHASA MELAYU TINGKATAN 1

PERIBAHASA

NAMA:

KELAS:

BAHAGIAN A: Isikan tempat kosong dengan simpulan bahasa yang betul.

anak emas

buta huruf

mulut murai

tidur mati

ikat perut

anak tunggal

alas perut

sambil lewa

1. Nenek Sunarti tidak pernah membaca sebarang surat khabar ataupun majalah kerana dia _____.
2. Tan Lean Keong adalah seorang _____ kerana dia tidak mempunyai kakak dan adik.
3. Semasa menaiki pesawat ke Kota Kinabalu, adik tidak henti-henti berbual kerana adik _____.
4. Kunding mengambil sekeping roti berkrim sebagai _____ sebelum pergi ke sekolah.
5. Ahmad merupakan _____ kepada Encik Ali dan Puan Fatimah kerana mereka memberikan sepenuh kasih sayang kepadanya berbanding dengan adik beradik yang lain.
6. Pakcik Osman terpaksa _____ kerana tiada duit untuk membeli makanan.
7. Rumah banglo di atas bukit itu telah dimasuki perompak kerana semua penghuninya _____ malam tadi.
8. Puan Mariah mengambil sikap _____ akan kebajikan anak-anaknya sehinggakan mereka ketinggalan dalam pelajaran.

BAHAGIAN B: Isikan tempat kosong dengan **perumpamaan** yang betul.

bagai anjing dengan kucing

bagai bulan jatuh ke riba

seperti pinang dibelah dua

bagai cicak makan kapur

seperti kera sumbang

bagai wau putus tali

bagai aur dengan tebing

bagai mencurah air ke daun keladi

bagai kacang lupakan kulit

seperti rumput di tepi jalan

1. Keadaan Aliff Imran _____ menyebabkan dia tidak mahu menyertai perlumbaan jalan kaki.
2. Rohana dan Amirah _____ kerana sering bergaduh walaupun perkara itu kecil.
3. Kebanyakan penduduk Kampung Sungai Batu _____ kerana mereka mendapat bayaran pampasan yang tinggi daripada pihak kerajaan.
4. Raju dianggap _____ kerana tidak dapat menyesuaikan diri dengan masyarakat setempat.
5. Setelah kematian ayah dan ibu, kehidupan Azira dan adik-adiknya _____.
6. Nasihat yang diberikan oleh Cikgu Salim _____ kerana tidak dihiraukan oleh Azman untuk hadir ke kelas.
7. Mak Timah hidup susah dan terbiar kerana tidak dipedulikan oleh anak-anak dan jiran tetangganya _____.
8. Kedua-dua mempelai itu _____ kerana mereka sama cantik dan sama padan bersanding di atas pelamin yang berhias indah.
9. Setelah berjaya menjawat jawatan yang tinggi di bandar, Kumaresan telah melupakan ibu bapanya di kampung seperti _____.
10. Persahabatan Aireen dan Misha sangat akrab _____ kerana mereka berkawan sejak kecil lagi.